

10 APR 1996

Salleh-pindaan

PERLEMBAGAAN SABAH KEKAL, LIMA UNDANG-UNDANG NEGERI DIPINDA

KOTA KINABALU, 10 April (Bernama) -- Perlembagaan Negeri Sabah tidak akan berubah tetapi lima enakmen negerinya tetap dipinda, kata Ketua Menteri, Datuk Mohd Salleh Said Keruak hari ini.

Katanya cadangan pindaan itu yang secara dasarnya merombak kuasa Ketua Menteri untuk diserahkan kepada kabinet akan dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah pada 25 dan 26 April ini.

"Cadangan untuk menukar kuasa Ketua Menteri tidak semestinya memerlukan pindaan terhadap Perlembagaan Negeri," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet di sini.

Cadangan pindaan terhadap undang-undang negeri itu ialah Enakmen Perhutanan 1968, Ordinan Tanah (Bab 68), Ordinan Perlombongan 1960 dan Enakmen Yayasan Sabah.

Berikutan cadangan pindaan undang-undang berkenaan, satu undang-undang musabab -- Enakmen Perwakilan Kuasa 1963, juga turut dipinda.

Mengenai Enakmen Yayasan Sabah, Salleh berkata cadangan pindaan itu memperuntukkan bahawa Ketua Menteri tidak lagi secara automatik dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Amanahnya.

Ketika ini Ketua Menteri bukan saja secara automatik menjadi Pengerusi Lembaga Amanah Yayasan Sabah, tetapi juga mempunyai kuasa untuk melantik lapan yang lain menjadi anggota lembaganya.

Berikutan cadangan itu juga, anggota lembaga yang lain akan dilantik oleh Yang Dipertua Negeri setelah mendapat perakuan daripada jemaah menteri, katanya.

Salleh berkata beliau sudah memberi taklimat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hujung minggu lepas di Kuala Lumpur berhubung cadangan pindaan itu.

"Secara dasarnya pindaan undang-undang negeri itu tidak lari daripada apa yang dicadangkan oleh Perdana Menteri berhubung kuasa Ketua Menteri Sabah," katanya.

Salleh juga berkata kerajaan negeri akan mengkaji semula kedudukan pengerusi dan lembaga pengarah agensi-agensinya yang terlalu banyak dipegang oleh orang yang sama.

"Kita kena kaji kerana ada berhubung kait dengan perundangan di mana seseorang pengerusi sebuah agensi juga diperlukan di sisi undang-undang mengetuai anak-anak syarikat di bawah agensi atau kementerian berkenaan," katanya.

Katanya ada keadaan di mana kerajaan terpaksa melantik para pegawainya menjadi pengarah dalam beberapa agensinya kerana kepakaran mereka dalam bidang yang berkaitan.

Ada juga yang terpaksa dilantik dalam syarikat-syarikat tertentu kerana kerajaan perlu mempunyai wakil kerana ia mempunyai ekuiti dalam syarikat berkenaan.

Bagaimanapun secara dasarnya kerajaan memang bersetuju untuk mengurangkan jumlah mereka yang memegang terlalu banyak jawatan pengerusi dan pengarah dalam syarikat-syarikat dan agensi-agensinya, tegas beliau. -- Bernama.

OPP AHH